

'Kita bukan mengalah'

BH 17/5/2007.

Jawatankuasa khas WPI ditubuh untuk tarik pelabur Singapura



Laporan Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Dewan Negara diberitahu penubuhan jawatankuasa khas peringkat menteri antara Malaysia dan Singapura membabitkan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di selatan Johor bukan bermakna negara ini lemah, mudah mengalah dan bertolak ansur dengan republik itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Ahmad Shabery Cheek, berkata dakwaan atau tanggapan Malaysia lemah tidak timbul sama sekali kerana apa yang dibuat bertujuan menarik pelabur negara jiran itu ke WPI, sama seperti usaha negara menarik pelabur lain pada peringkat antarabangsa ke wilayah berkenaan.

"Untuk membangunkan wilayah itu kita memerlukan pembabitan ma-

sarakat antarabangsa, misalnya kita mengundang pelabur Asia Barat seperti Kuwait, Qatar serta Emiriah Arab Bersatu (UAE), yang kini kurang membawa wang mereka ke Amerika Syarikat kerana pandangan negatif terhadap Islam.

"Jadi WPI tempat yang baik, kita mahu (pelabur) seperti dari Jepun dan Australia menyertainya tetapi kita tak boleh kata Singapura tidak boleh (melabur) sedangkan Singapura juga satu potensi besar untuk kita menarik pelabur mereka dan dimanfaatkan secara bersama," katanya menjawab soalan tambahan dikemukakan Senator Datuk Musa Sheikh Fadzir.

Musa ketika mengemukakan soalnya menyoal sampai bila negara yang mempunyai maruah mahu bertolak ansur terhadap Singapura.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan penubuhan jawatankuasa khas itu bagi memantau pelaksanaan dan memperhalusi sebarang cadangan berhubung kerjasama pembangunan di wilayah berkenaan.



"Tak timbul sama sekali kita lemah, bertolak ansur atau mengalah kepada Singapura atau mana-mana pihak"

Ahmad Shabery Cheek
Setiausaha Parlimen Kementerian Luar

Jawatankuasa berkenaan akan diterajui sebuah kementerian diumumkan selepas Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong di Pulau Langkawi, Kedah.

Perdana Menteri berkata, jawatankuasa itu akan dianggotai menteri tertentu daripada kedua-dua negara mengikut isu dan bidang kerjasama mahu dibincang dan dilaksanakan.

Ahmad Shabery berkata, dalam konteks WPI, bukan soal siapa lebih kuat atau boleh menang perdebatan tetapi memikirkan bagaimana bekerjasama.

Beliau menolak kebimbangan Senator Dr Mohd Puad Zarkashi bahawa jawatankuasa berkenaan menyebabkan Malaysia terlalu bergantung kepada pelabur Singapura dalam membangunkan WPI hingga boleh memberi ruang republik itu membangkitkan perkara seperti pembinaan kereta api laju Malaysia-Singapura dan pembinaan sebuah taman tema di WPI, yang akan menyebabkan Malaysia menjadi serba salah.